



NILAI SEJARAH: Pameran setem Melaka dan Tanah Melayu di Muzium Setem Melaka.

Setem tarikan ke Melaka

BH mjs 05 16.2.07

Muzium ke-20 pamer peralatan, artifak digunakan posmen sejak merdeka untuk tatapan pengunjung

Oleh Misiah Taib

MELAKA: Jika anda ingin melihat pelbagai peralatan dan artifak yang digunakan oleh posmen di negara ini sejak hari pertama merdeka pada 31 Ogos 1957 sehinggalah ke hari ini, berkunjunglah ke Muzium Setem Melaka di Jalan Kota, dekat sini.

Anda boleh menyaksikan bukan saja lebih 65,000 setem, malah mesin taip, alat timbang, basikal, pakaian seragam dan beg tempat membawa surat yang digunakan oleh posmen di negara ini antara tahun 1950-an sehingga 1970-an.

Setem keluaran Hari Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos 1957 adalah antara koleksi menarik di muzium berkenaan yang dibuka antara jam 9 pagi hingga 5.30 petang, setiap hari.

Di muzium itu juga terdapat ruang pameran yang menceritakan mengenai teknologi pembuatan setem bermula dari proses membuat 'art-work', proses mencetak setem, sehinggalah terhasilnya setem yang terdapat di pasaran.

Muzium ke-20 di Melaka itu turut mempamerkan maklumat berhubung fakta dan sejarah mengenai setem, dengan sebahagian besarnya disumbangkan Pos Malaysia Berhad, selain ada juga sumbangan pengumpul setem terdiri daripada orang perseorangan.

Usaha mewujudkan muzium berkenaan adalah hasil kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) dan Pos Malaysia Berhad dengan perasmian dilakukan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, pada 19 Januari lalu.

Majlis perasmian turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Datuk Abd Rahaman Abd Karim; Pengerusi Pos Malaysia, Tan Sri Adam Kadir dan Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia, Datuk Ikmal Hijaz Hashim.

Terletak di Kompleks Warisan Melaka, Jalan Kota dekat sini, muzium berkenaan dijangka mampu memberi sumbangan besar kepada usaha merencanakan lagi pertumbuhan sektor pelancongan di negeri ini.

Setem yang dipamerkan merangkumi pelbagai tajuk dan tema termasuk bangunan, flora dan fauna, seniman dan personaliti serta automotif.

Mohd Ali berharap, muzium itu dapat dijadikan pusat pendidikan, penyelidikan dan rujukan mengenai setem bukan sahaja di negara ini, malah di peringkat antarabangsa.

Beliau percaya muzium berkenaan akan menjadi satu lagi destinasi pelancongan di Melaka selain dapat mengembangkan minat dan hobi masyarakat mengumpul serta menyimpan setem yang pernah dikeluarkan Pos Malaysia.

Beliau mahu Perzim, Pos Malaysia dan Persatuan Filateli menganjurkan pelbagai aktiviti sampingan termasuk bengkel dan kuiz di kalangan pelajar bagi menghidupkan lagi peranan setem yang kian dilupakan oleh masyarakat, lebih-lebih lagi di zaman kemajuan sains dan teknologi.

Mohd Ali berkata, Melaka meletakkan sasaran memiliki 21 muzium apabila mencapai status


negeri maju 2010 dan memandangkan Muzium Setem itu adalah yang ke-20, bermakna kerajaan negeri sudah hampir mencapai sasaran.

Sementara itu, Adam berkata, sejak awal idea penubuhan muzium berkenaan, Pos Malaysia telah menyumbang dan meminjamkan beberapa bahan serta visual berkaitan.

Selain itu katanya, pelbagai artifak lama pos seperti pakaian awal kakitangan pos, alat timbang surat, cop tarikh, peti mengepos surat dan pelbagai bahan lama telah dikumpul dan diserahkan kepada muzium berkenaan.

"Koleksi yang dipamerkan akan menjadi bahan rujukan selagi mana muzium ini berdiri megah di sini. Ia akan menjadi daya tarikan kepada peminat setem sama ada dari dalam, mahupun luar negara dan mampu meletakkan Melaka di peta dunia.


"Kami akan mewar-warkan pembukaan muzium ini di dalam website kami iaitu pos.com.my supaya lebih ramai peminat setem dari seluruh dunia mengetahui mengenai kewujudannya," kata beliau.




TERPUKAU: Pengunjung melihat replika setem pertama dikeluarkan di dunia, Setem One Penny.

“Saya yakin muzium ini akan mendapat tempat di kalangan masyarakat khususnya pelajar untuk mengetahui lebih dekat mengenai sejarah dan latar belakang setem di negara ini”

Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka



PENJELASAN: Mohd Ali Rustam melihat koleksi setem yang terdapat di Muzium Setem Melaka.



Sebuah setem dengan bergambar ikan, dikeluarkan pada tahun 1957 sebelum kemerdekaan dengan nama Raja Elizabeth II. Dari tahun 1964 hingga 1967, setem dengan gambar yang sama telah dikeluarkan semula dengan simbol Melaka dan seekor ikan di tepi Pokok Melaka.

Ini adalah setem dengan bergambar ikan, dikeluarkan pada tahun 1957 sebelum kemerdekaan dengan nama Raja Elizabeth II. Dari tahun 1964 hingga 1967, setem dengan gambar yang sama telah dikeluarkan semula dengan simbol Melaka dan seekor ikan di tepi Pokok Melaka.

KIASIK: Sebahagian setem lama yang terdapat di Muzium Setem Melaka.